



SIARAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI TEKUN NASIONAL RAIKAN 246 ORANG PENERIMA ANUGERAH

BANGI, 11 Mei – TEKUN Nasional menganjurkan Majlis Apresiasi TEKUN Nasional 2026 sebagai penghargaan kepada warga kerja yang telah menunjukkan dedikasi, komitmen dan kecemerlangan dalam perkhidmatan. Penganugerahan ini juga merupakan platform untuk mengiktiraf sumbangan pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat dengan cemerlang, penuh integriti serta menjayakan misi dan visi organisasi. Majlis telah dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Sempena majlis ini sebanyak 5 kategori anugerah akan disampaikan kepada 246 penerima iaitu Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Khidmat Setia, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Kecemerlangan TEKUN dan Anugerah Pencapaian tahun 2025.

Mengulas mengenai Majlis Apresiasi ini, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong berkata majlis ini dapat menyuntik semangat warga kerja untuk terus memberikan perkhidmatan yang melangkaui jangkaan demi kesejahteraan komuniti usahawan.

“Saya berharap agar pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat buat warga kerja TEKUN untuk terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping memperkasakan lagi penyaluran pembiayaan kepada kumpulan sasaran,” ujar beliau.

Beliau turut memaklumkan bahawa **pada tahun 2026, sebanyak RM15 bilion dana akan disalurkan melalui agensi-agensi di bawah KUSKOP dengan sasaran memberi manfaat kepada 400,000 usahawan dan koperasi di seluruh negara.**

“TEKUN Nasional terus memainkan peranan penting dalam agenda memperkasa PMKS negara. **Sejak 1 Januari hingga 30 April 2026, TEKUN Nasional telah menyalurkan sekitar RM360 juta kepada hampir 20,000 usahawan PMKS.**

“Saya menyeru agar TEKUN Nasional terus mempergiat usaha dan memperkukuh peranan dalam membantu lebih ramai usahawan PMKS untuk berkembang serta meningkatkan daya saing mereka,” tambah beliau.

Kejayaan TEKUN bukan sekadar angka, tetapi dapat dilihat melalui impak sosial dan ekonomi kepada komuniti, penciptaan peluang pekerjaan dan pembangunan ekosistem keusahawanan tempatan.

Penganjuran ini diharap dapat memperkukuh kerjasama, memperkasakan prestasi, serta memberi inspirasi kepada semua peserta untuk terus berbakti demi kejayaan TEKUN Nasional dan pembangunan keusahawanan negara.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

11 MEI 2026